



Dr Mahathir merasmikan Sidang Kemuncak Matlamat Pembangunan Lestari 2019, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Syarafiq Abd Samad /BH)

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030

Empat kekangan utama laksana semua 17 agenda

Kuala Lumpur: Malaysia terpaksa mengharungi empat kekangan utama dalam usaha melaksanakan semua 17 agenda yang digariskan menerusi Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030.

Tempias daripada kekangan yang turut dialami negara seluruh dunia itu merangkumi degradasi kawasan hutan, laut dan sumber air tawar serta peningkatan kejadian geomorfologi dan hidro-meteorologi.

Isu mengimbangi kepentingan etika dan keadilan dalam perubahan iklim, selain penyusutan kadar pengeluaran makanan serta sistem ekonomi yang dipacu alam sekitar, dikesan menjadi fak-

tor utama penghalang usaha merealisasikan SDG 2030.

Menyuarakan masalah berkenaan, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata usaha memacu pembangunan di negara ini harus dilaksanakan secara seimbang dengan memikirkan kepentingan perubahan iklim, degradasi alam sekitar dan penggunaan sumber alam secara lestari.

Mengambil kira percaturan sedemikian, katanya, kerajaan berpendirian bahawa teknologi digital memainkan peranan penting ke arah usaha mencapai 17 agenda SDG 2030 dipersetujui sebulat suara menerusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) pada 2015.

“Walaupun inovasi mungkin memberi kesan positif dan negatif, penggunaan rangkaian teknologi dilihat lebih berkesan untuk mencapai semua matlamat SDG, memandangkan kita mempunyai tempoh berbaki kira-kira 10 tahun sebelum 2030.

“Pada masa sama, masyarakat di bawah garis kemiskinan lazimnya tidak mempunyai capaian kepada teknologi. Justeru, ia cabaran kepada kerajaan untuk memastikan tiada yang akan tercicir daripada arus pembangunan.

“Selain itu, mengambil kira kespesatan inovasi, kita tidak sempat memperhalusi banyak peluang dan risiko mengikut tempoh diberikan. Justeru, pendekatan ber-

teraskan Revolusi Industri 4.0 wajar menjadi sandaran,” katanya.

Dalam ucapan perasmian Sidang Kemuncak SDG 2019, di sini semalam, beliau menjelaskan, bagi memastikan usaha pembaharuan Malaysia berada pada landasan betul, rangkaian usaha selari dasar Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) dilaksana berlandaskan dua prinsip utama, integriti dan tadbir urus yang baik.

Pelaksanaan prinsip berkenaan merentasi enam sektor, iaitu tadbir urus politik, pentadbiran sektor awam, perolehan awam, perundangan dan keadilan, penguatkuasaan undang-undang serta tadbir urus korporat.

“Bagaimanapun, usaha menca-

pai matlamat digariskan dalam SDG seperti membasmi kemiskinan, meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan menangani perubahan iklim menjelang 2030 memerlukan peruntukan dana yang banyak.

“Beban kewangan seperti ini di luar kemampuan kerajaan, justeru sektor swasta dan pasaran kewangan harus menggembleg tenaga dan tampil menyalurkan bantuan,” katanya.

Sidang kemuncak dua hari bertemakan ‘Memacu Kemajuan SDG: Pendekatan Menyeluruh Negara’ itu menghimpunkan 18 ahli panel mewakili pelbagai kepakaran bagi mengulas kemajuan 17 sasaran SDG yang digariskan.

BH - 7/11/2019 m/s 2